

03/01/2003

Ahli Umno usah melatah hasutan, andaian Pas: Najib

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Pemimpin Umno diminta supaya tidak cepat melatah dengan pelbagai andaian kononnya akan tercetusnya perebutan kuasa dalam parti apabila Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan semua jawatan politiknya, Oktober ini.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Pas sengaja menimbulkan isu perpecahan itu bagi mewujudkan masalah dalaman Umno bagi melemahkan kekuatan parti itu.

"Ini sebenarnya hasutan yang mana ia (Pas) mahu membangkitkan satu keadaan supaya ahli Umno berasa kurang yakin bila berlakunya peralihan kuasa.

"Saya cukup yakin tidak akan berlaku perebutan kuasa atau pun pergolakan dalam Umno atau Barisan Nasional kerana proses peralihan kuasa sudah pun ditentukan dan semua pihak sudah menerima peralihan kuasa itu," katanya di Kementerian Pertahanan hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Pembangkang merangkap Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berhubung perkara itu.

Hadi dalam kenyataannya sempena Tahun Baru berkata, sebaik saja Dr Mahathir melepaskan jawatannya sebagai Presiden Umno dan Perdana Menteri, akan wujud perebutan kuasa di kalangan pemimpin Umno.

Najib ketika mengulas perkara itu yakin ahli Umno tidak akan menjadi mangsa kepada percaturan kotor politik pembangkang yang cuba membuatkan ahli parti itu tidak yakin dengan proses peralihan kuasa.

"Sebenarnya, kalau Umno kuat dan bersatu padu, sukar bagi Pas untuk pegang kuasa. Mereka juga sebenarnya boleh tergugat di Terengganu dan Kelantan. (Sebab itu) kalau Pas boleh timbulkan kekecohan dalam Umno sehingga Umno tak stabil bagi memastikan peluang mereka untuk berjaya, lebih besar lagi," katanya.

Beliau yang menganggap andaian Hadi itu sebagai satu permainan politik yang tidak mencerminkan keadaan sebenar berkata, ahli Umno jauh lebih matang dan dapat menilai apa yang cuba dilakukan oleh parti pembangkang itu.

Sementara itu, seorang lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib ketika dihubungi berkata, kenyataan Hadi jelas menunjukkan parti pembangkang itu sebenarnya tidak mempunyai kekuatan sendiri kecuali bergantung kepada masalah dalaman yang berlaku dalam Umno.

"Mereka tidak ada kekuatan sebenar untuk menang. Satu cara yang ada adalah menimbulkan masalah dalam Umno bagi mendapat kelebihan politik.

"Rekod dulu pun jelas menunjukkan kemenangan mereka di kawasan tertentu kerana timbul masalah dalaman Umno di kawasan itu," katanya.